



PERMATA Seni Terus Lahirkan Bakat Cemerlang Akademik dan Seni

KUALA LUMPUR, 23 Mac - Datin Paduka Seri Rosmah Mansor telah mengadakan sesi sembang santai dengan ibu bapa ahli PERMATA Seni Tari dan Koir di Majlis Penutupan Kem PERMATA Seni Koir dan Tari di sini, hari ini.

Kem PERMATA Seni Tari dan Koir merupakan program di bawah Bimbingan Seni Budaya JKKN yang dilaksanakan bagi menyerlahkan bakat kanak-kanak Malaysia yang cemerlang, secara spesifik, anggota PERMATA Seni Tari dan Koir yang terdiri dari PERMATA Seni Koir (PSK), PERMATA Seni Remaja Koir (PSRK), PERMATA Seni Tari (PST) dan PERMATA Seni Remaja Tari (PSRT).

Melalui kem ini, anak-kanak diajar teknik dan kemahiran di dalam sesuatu jenis persembahan, sejajar dengan matlamat utama penubuhan PERMATA Seni yang inginkan peserta yang cemerlang dan berbakat sehingga ke peringkat antarabangsa.

Pelaksanaan Kem PERMATA Seni Koir dan Tari adalah bagi memberi peluang kepada ahli PSK, PSRK, PST, dan PSRT mempelajari ilmu seni koir dan tari daripada tenaga pengajar profesional.

Ia memberi peluang kepada peserta untuk mempelajari dan memahami dengan lebih mendalam aspek *sight-singing*, vokal, tarian dan kelas *grooming* bagi memantapkan persembahan peserta PSK dan PSRK, dan aspek olah badan, ekspresi, ketelitian gerak bagi PST dan PSRT.

Ia juga melatih serta memberi pendedahan yang lebih meluas tentang aspek persembahan kepada PSK, PSRK, PST dan PSRT dan menambah bilangan *repertoire* tarian dan lagu koir yang baru.

Ahli PERMATA Seni terdiri daripada kanak-kanak yang cemerlang dalam nyanyian koir, tarian dan muzik yang berumur dalam lingkungan 7-12 tahun. Kanak-kanak yang terpilih untuk menganggotai PERMATA adalah kanak-kanak yang terbukti cemerlang dalam bidang akademik dan bidang seni serta berkeyakinan tinggi, berketrampilan dan mempunyai disiplin yang tinggi. Pemilihan diadakan melalui sesi uji bakat dengan syarat yang ketat bagi melahirkan kumpulan yang terbaik.

Seramai 241 orang kanak-kanak terlibat dalam Kem ini merangkumi 21 orang PERMATA Seni Koir Neo, 36 orang PERMATA Seni Koir, PERMATA Seni Koir Neo (Baru) dan 47 orang PERMATA Seni Koir Remaja manakala bagi PERMATA Seni Tari merangkumi 75 orang kanak-kanak iaitu 41 orang ahli PERMATA Seni Tari, 60 orang ahli PERMATA Seni Remaja Tari dan 36 orang anggota Pucuk.

Terdapat Koreografer, jurulatih dan fasilitator jempuan menyertai kem ini menjadikan jumlah keseluruhan 274 orang peserta.

Mereka dihimpunkan di Hotel Cempaka dan Flamingo, Ampang dari 17 hingga 25 Mac ini bagi tujuan mempelajari secara intensif sight singing, kerja berkumpulan, ketrampilan (grooming) dan sebagainya

Program PERMATA Seni telah dilancarkan secara rasmi oleh YABhg Datin Seri Paduka Rosmah Mansor pada 11 Januari 2010. Ahli PERMATA Seni terdiri daripada kanak-kanak yang cemerlang dalam nyanyian koir, tarian dan muzik yang berumur dalam lingkungan 7-12 tahun.

Salah satu daripada program PERMATA adalah PERMATA Seni. PERMATA Seni Koir dan PERMATA Seni Tari di

bawah kelolaan Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) manakala PERMATA Seni Muzik di bawah kelolaan Istana Budaya (IB).

Pelaksanaan Kem PERMATA Seni Koir dan Tari adalah bertujuan untuk meningkatkan skill dan ilmu pengetahuan berkenaan bidang masing-masing dan ia dilaksanakan dua (2) kali setahun.

Dalam majlis yang sama, Rosmah turut menyampaikan sijil kepada anggota PERMATA Seni yang mencapai keputusan cemerlang dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Mereka ialah ahli PERMATA Seni Koir Sharifah Zeynah Alhadad bt Syed Zaid (8A+ 3A), Abbygail Ong Yuen Mun (6A+ 4A 1A); ahli PERMATA Seni Tari, Brandon Carlos (3A- 2A 1B- 1B); dan empat orang ahli PERMATA Seni Muzik iaitu Wong Zhu (11A); Mohd. Ad'din Rahman Bin Zaid (9A); Chia Jun Wei (7A, 2B) dan Nur Atina Bt. Zainalabidin (4A, 3B, 1C, 1D).

Kem ini turut disertai oleh pelakon dan pengacara popular Sherry Al-Hadad selaku tenaga pengajar (senarai penuh di lampiran).

JKKN ialah sebuah agensi yang menjalankan aktiviti kebudayaan dan kesenian di Malaysia.

PERMATA adalah singkatan kepada Program Asuhan dan Didikan Awal Kanak-Kanak yang diterajui oleh YABhg Datin Seri Paduka Rosmah Mansor isteri kepada YAB Perdana Menteri Malaysia dalam usaha melahirkan modal insan terbaik kepada negara. – UKK JKKN

LAMPIRAN

1. PENGLIBATAN

Penglibatan Kem adalah sebanyak 274 orang. Pecahan adalah seperti di perenggan 1.1 dan 1.2

1.1 Penglibatan Kem PSK dan PSRK adalah seperti berikut :

- Penyertaan : i. 36 (PERMATA Seni Koir)
ii. 47 (PERMATA Seni Remaja Koir.)
iii. 21 (PERMATA Seni Koir Neo)
- Vokal Master : 1 Orang
- Koordinator : 1 Orang
- Jurulatih : 7 Orang
- Fasilitator Jemputan : 7 Orang

JUMLAH : 120 ORANG PESERTA

1.2 Penglibatan Kem PST dan PSRT adalah seperti berikut:

- Penyertaan : i. 41 (PERMATA Seni Tari)
ii. 60 (PERMATA Seni Remaja Tari)
iii. 36 (Pucuk)
- Koreografer : 1 Orang
- Jurulatih : 8 Orang

- Fasilitator Jemputan : 8 Orang

JUMLAH : 154 ORANG PESERTA

JUMLAH KESELURUHAN : 274 ORANG

2. JURULATIH JEMPUTAN

2.1 PSK DAN PSRK

NO.	NAMA	BIDANG
1.	Encik Amandus Paul Bin Panan	Kelas Tarian
2.	Encik Ruviyamin Ruslan	Kelas Rhythm & Tempo
3.	Pcik Normah Nordin	Kelas Lakonan
4.	Cik Elfira Junaidi	Kelas Tatarias
5.	Puan Lilis Syafuza Mohd Yatim	Jurulatih Tambahan
6.	Puan Lilis Syafiza Mohd Yatim	Jurulatih Tambahan
7.	Encik Dalmer Melvie Robben	Jurulatih Tambahan

2.2 PST DAN PSRT

NO.	NAMA	BIDANG
1.	Cik Sherry Al Hadad	Lakon Dalam Tari (PST & PSRT)
2.	Encik Mohd Firdaus	Motivator (PST & PSRT)

3.	Encik Syazwan	Tarian Kreasi (PUCUK)
4.	Cik Janet Moo Tein Ni	Introduction to Children Movement (PST)
5.	Encik Izwan Suhairi	Tarian Kreasi dan Tradisional (PST)
6.	Puan Zamzuriah Zahari	Tarian Inai
7.	Encik Pat Ibrahim	Tarian Kontemporari (PSRT)
8.	Cik Elaine Ng Xin Yin	Tarian Klasikal Cina (PSRT)